

# BAGAIMANA INDONESIA MENGHADAPI KEMERDEKAANNYA

-----\*-----\*-----

Kelakuan dan perbuatan yang dilakukan oleh sesuatu bangsa kepada bangsanya sendiri adalah berlainan daripada kelakuan dan perbuatan yang dilakukan oleh sesuatu bangsa kepada bangsa yang lain terutamanya di dalam keadaan-keadaan yang luar biasa dan di dalam suatu gancang yang belum dapat ditentukan atau diselenggarakan oleh sesuatu pentadbiran bagi meratakan segala sesuatu itu berfaedah untuk masyarakat bersama.

## LAYANAN KEPADA BANGSA SENDIRI

(oleh Edrus)

Ada moleknnya berhubung dengan keluaran yang sempenakan untuk menyambut Hari Kemerdekaan Indonesia ini saya membawa pembaca-pembaca berfikir tenang dan sabar mendengar segala tuduhan-tuduhan yang didatangkan ke atas kedudukan Indonesia pada masa-masa yang telah lalu. Kita mendengar perkataan-perkataan yang mencela dan setengah-setengahnya mengejek yang seolah-olah menunjukkan bahawa kerajaan Indonesia itu belum boleh mentadbir, menyusun dan mengatur negaranya dengan mereka itu menunjukkan bukti-buktinya di sana ada rusuhan, di sini ada rompak dan samun; di sana ada perbuatan-perbuatan keganasan dan seterusnya- dan dengan kerana itu dihampakan segala kesalahan-kesalahan itu dengan menunjukkan bahawa keadaan mereka belum cukup layak atau dengan terangnya belum boleh lagi berdiri di atas kaki sendiri sudahpun hendak berdiri.

Tidak dapat dinafikan bahawa banyak kejadian-kejadian yang berlaku di sana sini di Indonesia sesudah negeri itu merdeka- setengah-setengah daripadanya kerana perasaan perseorangan, setengah-setengahnya kerana mengikut fahaman, dan setengah-setengahnya pula kerana mengambil peluang dan sebagainya iaitu perkara-perkara yang lazim dan biasa berlaku di mana-mana jua di dalam dunia ini setelah sebuah negeri itu merdeka. Lihat Amerika berpuluh-puluh tahun lamanya pertelagahan, rompak dan samun sesama sendiri berjalan tidak putus-putusnya bahkan berperang sesama sendiri pun telah terjadi.

Kalau kita perhati kejatuhan Jemaah Menteri

Dr Sukiman ialah oleh kerana langkah-langkahannya menerima bantuan Amerika. Bantuan-bantuan itu dikehendaki oleh Jemaah Menteri ialah untuk mensenjantai atau melengkapkan kekuatan-kekuatan tentera dan polis yang bertanggungjawab untuk mengamankan negara Indonesia daripada perbuatan-perbuatan jahat dan perlawanan-perlawanan yang hebat terutamanya untuk menghapuskan gerak-gerak Dar Al-Islam yang semakin lama semakin taksab menghendaki negara Indonesia itu dijadikan sebuah negara Islam yang mutlak. Pendapat Sukiman dengan tidak ada kekuatan sebagai sendinya sudah tentu tidak akan dapat dihapuskan keganasan-keganasan itu dan menghapuskan keganasan-keganasan dengan fahamnya tidak akan dapat dijalankan sekiranya tidak ada kelengkapan-kelengkapan dan sebab itulah dikatakan Jemaah Menteri menghendaki bantuan kebendaan daripada Amerika yang sebahagiannya akan digunakan kepada tujuan-tujuan yang tersebut.

Adakah tujuan-tujuan ini akan berjaya? Sekiranya berjaya maka kesan kekerasan kerajaan itu akan hilang daripada hati penduduk-penduduk daripada bangsa Indonesia sendiri- bukan daripada bangsa lain. Kesan-kesan yang mendalam ke dalam jiwa itu sudah tentu nanti pada satu masa, menurut pendapat yang lain, akan merebak semula menuntut bila kepada perbuatan-perbuatan yang dilakukan ke atas dirinya.

Faham Sukiman ini sudah tentu berlainan dengan faham Natsir. Natsir dengan Jemaah Menteri dahulu tidak menghendaki menghadapi saudara-saudaranya itu dengan kekerasan. Ia berfaham bahawa dengan kekerasan itu umbi perlawanan yang dilakukan kepada negara sendiri oleh kerana menyampaikan cita-cita dan faham

itu tidak akan tercabut daripada umbi-umbinya. Kepada mereka yang telah taksub itu mestilah diberi faham tentang tujuan-tujuan dan cita-cita bahawa sememangnya niat tiap-tiap seorang muslimin itu menghendaki sebuah kerajaan Islam ada di dalam negerinya tetapi cara menuntut itu hendaklah dengan cara yang tidak menumpahkan darah oleh kerana pengajaran-pengajaran Islam menuntut tiap-tiap gerak geri itu lebih dahulu dengan jalan islah – tidak dengan jalan kekerasan; jalan islah itu tidak didapat melainkan dengan mengatur barisan-barisan di dalam lingkungan sendiri supaya pada suatu masa nanti dapat tiap-tiap tempat di dalam pemerintahan diduduki oleh orang-orang Islam yang berhati Islam dan sesudah itulah dapat diisytiharkan negara Islam yang sejati dengan sekali-kali tidak menumpahkan darah walau sedikit pun.

Dengan kerana itulah dalam masa pemerintahan Natsir dengan cara persaudaraan dan dengan cara berfaham-fahaman, dengan menghantar wakil-wakil yang terdiri daripada kiyai-kiyai yang berpengaruh yang menjumpai ketua-ketua Dar Al-Islam meminta mereka keluar dengan baik dan menyerahkan senjata. Langkah-langkah ini dikatakan telah berjaya sehingga 25 peratus mereka itu dikatakan telah keluar daripada hutan-hutan tetapi dengan malangnya dalam masa usaha-usaha itu dijalankan Jemaah Menteri Mohammad Natsir telah jatuh digantikan oleh Jemaah Menteri Dr Sukiman yang di dalam Jemaah Menterinya itu Sewaka menjadi Menteri Pertahanan. Perubahan ini telah menepati sebagaimana kata pepatah “sekali air pasang, dua tiga tepian beralih” dan mulailah berlaku langkah kekerasan sebagaimana yang tersebut di atas sehingga orang-orang yang dihantar oleh Mohammad Natsir untuk berjumpa dengan Kratusuaru yang menjadi ketua Dar Al-Islam yang mengadakan perlawanan, di antaranya kiyai A. Hasan (yang terkenal dengan nama Kiyai Hasan Bandung) dan Kiyai Haji Halim pun akhirnya ditangkap dan ditahan dengan alasan atau dengan kuatkuasa undang-undang darurat yang ada kepada kerajaan.

Sebagaimana yang diketahui bahawa negara Indonesia itulah sesebuah negara yang baharu merdeka. Kemerdekaan Indonesia itu didapati sesudah menumpahkan darah dengan sebanyak-banyaknya yakni

dengan mengadakan perlawanan dan pengorbanan yang luar biasa di dalam masa mengadakan perlawanan itu telah diakui bahawa yang berhabis dan bermati-matian ialah daripada golongan orang-orang Islam. Orang-orang Islam itu maju ke tengah sudah tentu mendapat pimpinan dan tiupan roh berjihad merebut kemerdekaannya daripada kiyai-kiyai yang tidak dapat dinafikan mereka itu sangat besar pengaruhnya kepada seluruh umat Indonesia.

Sesudah tamat perjuangan maka kiyai-kiyai tadi pun sebahagian besarnya telah memasuki pula masyarakat tetapi di sebaliknya itu anak buahnya atau dengan terang pengikut-pengikutnya masih ada yang berkeras hati- tidak puas dengan layanan yang diberi kepada mereka. Sekali-kali anak buahnya itu datang melawatnya dan dengan kerana lawatan itu maka mudahlah ia dituduh bekerjasama atau membantu pihak pegganas dan dengan kuat kuasa undang-undang darurat maka kiyai tadi pun ditangkap dan dituduh bekerjasama dan dengan inilah dalam masa pemerintahan Sukiman (seorang yang dikatakan segan sahaja mengatakan tidak) beribu-ribu orang dari Masyumi yang ditangkap dan ditahan dalam penjara.

Langkah-langkah yang dilakukan itu sebenarnya harus menakutkan orang pada zahirnya tetapi pada batinnya menambah taksub mereka yang melawan itu. Sebagaimana keadaan di dalam masa perjuangan mereka dahulu maka memandang bahawa orang yang di sebelah pemerintahan itu ialah orang yang “murtad” dan kerana itulah mereka dihalalkan barang-barang mereka dirampas sebagai harta rampasan.

Kalau kita perhati kepada berita-berita di dalam akhbar-akhbar maka kerap kali terjadi pembakaran-pembakaran rumah dan kampung dilakukan terutamanya di daerah Jawa Barat. Pembakaran-pembakaran itu telah dikhabarkan pula daripada punca-punca yang boleh dipercayai bukannya dilakukan semata-mata oleh pegganas bahkan dilakukan juga oleh pihak tentera- yang akhir disebut ini sudah terkenal “bermaharajalela” sehingga pernah dikhabarkan kalau keretanya lalu lebih dahulu hendaklah jauh-jauh menepi, kalau tidak akan menjadi korban- yang demikian ini dikatakan berlaku juga di dalam bandar-bandar sehingga polis tidak boleh melakukan sesuatu pun mencegah langkah-langkah dan kelakuan mereka.

Dikhabarkan juga pada suatu pasukan dari Sumatera telah dihantar ke Jawa Barat dan ditempatkan pada suatu tempat untuk mengawal daerah itu. Pada permulaan ketibaannya terjadi pertempuran di sana sehingga anak buah tentera dari Sumatera ini telah binasa tetapi sesudah kejadian itu tidak ada berlaku sesuatu pun oleh kerana pasukan tentera ini terdiri daripada orang-orang Islam yang menjalankan perintah-perintah agamanya- Anak buah tentera ini memperbaiki masjid, membuat kebaikan di dalam kampung, menyelenggarakan hal ehwal kampung dengan baik dengan sifat sebagai seorang Islam yang digemari oleh orang kampung itu dan dengan kerana itu semenjak tentera itu ada di sana tidak ada satu pun perlawanan yang timbul tetapi sesudah tentera itu dipindahkan ke lain tempat maka di situ terbit pula perlawanan-perlawanan yang hebat sebabnya telah terang ialah oleh kerana memandang tentera dari Sumatera itu saudaranya orang Islam yang sefaham dengan mereka dan sehati dengan mereka sedang tentera-tentera yang baharu itu selain daripada bukan sebagai orang Islam anak buah mereka itu dikatakan kerap kali juga “bermaharajalela.”

Di sini telah dikatakan juga bahawa ketua-ketua tentera yang berasal daripada orang Islam yang berpengaruh itu sesudah Jeneral Sudirman meninggal, tidak menerima cukup layanan yang memuaskan terutamanya tentang pangkat-pangkatnya. Ada yang berpengaruh dihantarkan ke luar-luar negeri dan seumpamanya dan dengan kerana itu pernah juga terjadi perlawanan daripada satu pasukan tentera kepada kerajaan lalu masuk ke hutan dengan senjata sekali. Dengan kerana kejadian-kejadian itu ada fikiran-fikiran yang timbul menghendaki supaya di dalam ketenteraan Indonesia diadakan pembersihan lebih dahulu supaya anasir-anasir yang tidak baik di dalam ketenteraan itu dihapuskan sebab yang demikian itu merosakkan keselamatan dan kedudukan kerajaan Indonesia.

Daripada apa yang tersebut di atas ini dapatlah difaham di mana sebenarnya yang lebih baik di antara kedua fahaman (Sukiman atau Natsir) yang tersebut di atas. Adakah kekerasan itu boleh

menghapuskan kebangkitan-kebangkitan yang diadakan atau menambah lagi terutamanya kekerasan-kekerasan itu dihadapkan kepada bangsa sendiri jangan berlainan faham di antara keduanya ini sudah tentu perkara ini bukannya perkara yang kecil yang boleh didamaikan dengan begitu sahaja terutamanya pula fahaman-fahaman Natsir itu disokong oleh Mohammad Roem, Syafruddin, Prowoto dan lain-lainnya. Aliran-aliran inilah yang nanti akan ditentukan oleh Kongres Masyumi untuk mengikutnya. Kalau Kongres sudah menetapkan maka program perjuangan Masyumi baru dapat dijalankan asalkan sahaja penganjur-penganjur itu insaf dan mahu beralah kepada faham yang dituju oleh ramai dengan dasar permesyuaratan yang ditunjukkan oleh Islam. Jika dasar permesyuaratan itu tidak dijalankan maka yang demikian akan berbencana kepada keselamatan dan kesejahteraan umat Islam di Indonesia.

Di sebalik itu kalau pun umpamanya fahaman Natsir yang dijalankan maka adalah menjadi satu tanda tanya yang besar adakah orang-orang Dar Al-Islam akan dapat dibentuk lagi sesudah perasaan dan jiwanya menjadi sebegitu taksuf?- Jawapannya adalah terpulung kepada kebijaksanaan jua.

---

## SIKAP BERTENANG

Tatkala Umar bin Abdul Aziz menjadi khalifah al-muslimin maka anakanda Abdul Malik telah menegurnya kerana terlalu lambat memutuskan sesuatu perkara. Kemusykilan anakanda itu telah dijelaskan olehnya, katanya:

“Janganlah hendaknya anakanda bergopoh gaph dan terburu-buru. Sesungguhnya Tuhan Azza wa Jalla telah mencelakan arak dua kali di dalam Quran dan mengharamkannya pada kali yang ketiga. Saya takut hendak mendesak orang ramai kepada kebenaran dengan sekaligus, akibatnya mereka akan menolak dan akan berlaku fitnah yang tidak dikehendaki.”